

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SPW 201 - Pentadbiran Awam

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan sahaja.

1. (a) Apakah perbezaan-perbezaan utama yang wujud di antara pentadbiran awam dan pentadbiran swasta?
[50 markah]
- (b) Apakah sebab-sebab prestasi dan pengukurannya adalah lebih bermasalah dalam pentadbiran awam berbanding dengan pentadbiran swasta?
[50 markah]
2. (a) Apakah yang diertikan dengan "kuasa birokratik"? Huraikan punca-punca kuasa birokratik itu dalam kerajaan moden.
[50 markah]
- (b) Kuasa birokratik merupakan suatu pembolehubah dan bukan sesuatu yang tetap (atau konstan). Bincangkan.
[50 markah]
3. (a) Bincangkan prinsip tanggungjawab individu Menteri dari segi teori dan amalannya.
[50 markah]
- (b) Adakah anda berpendapat bahawa prinsip ini harus dikekalkan, dirombak semula atau dihapuskan sama sekali? (Peringatan: Anda mesti mempertahankan pendapat anda).
[50 markah]

...2/-

4. (a) Nilaiikan cadangan bahawa penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa yang khusus dalam Parlimen boleh membantunya dalam mengawal pentadbiran awam.
[50 markah]
- (b) Bincangkan peranan (a) mahkamah ATAU (b) kumpulan-kumpulan berkepentingan dalam pengawalan pentadbiran awam.
[50 markah]
5. Berdasarkan kefahaman anda mengenai masalah-masalah pengawalan dan ketidaksempurnaan setiap cara pengawalan, kemukakan beberapa prinsip bagi rekabentuk sistem pengawalan terhadap pentadbiran awam.
[100 markah]

- oooOooo -